

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13/12/2018

Pemimpin temui Dr M sebelum keluar parti

BH - 13/12/2018 m/s: 8

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan beberapa bekas pemimpin UMNO Sabah yang keluar daripada parti itu, ada bertemunya di Putrajaya minggu lalu.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu diadakan kerana mereka mahu menyatakan hasrat meninggalkan UMNO kepadanya.

"Ya, mereka ada bertemu saya dan beritahu yang mereka mahu tinggalkan UMNO," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran PROTON X70 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, malam tadi.

Terdahulu, Pengerusi UMNO Sabah, Datuk Hajiji Mohd Noor, bersama 14 wakil rakyat dan 21 ketua Bahagian meninggalkan parti itu dan mengisytiharkan menjadi ahli politik bebas.

Nafi wujud plot tertentu

Ditanya mengenai wujud plot tertentu untuk menarik pemimpin UMNO meninggalkan parti keramat Melayu itu, Dr Mahathir menafikannya dan menegaskan mereka keluar atas kehendak sendiri.

"Mereka mahu keluar. Mereka ada fikiran dan pandangan ter-

sendiri. Jika tidak mahu keluar, mereka boleh kekal dalam UMNO," katanya.

Mengenai kesediaan parti komponen PH menerima bekas pemimpin UMNO Sabah itu sebagai ahli, Dr Mahathir berkata, ia bergantung kepada sikap serta sama ada mereka memiliki rekod melakukan kesalahan semasa pentadbiran lalu.

"Ia bergantung pada sikap mereka. Jika mereka membantu dan tidak melakukan kesalahan pada masa lalu, kita akan terima mereka.

"Mereka perlu kekal sebagai wa-

kil rakyat BEBAS buat masa ini dan menunjukkan sokongan kepada kerajaan," katanya.

Bincang dengan WARISAN, PH
Sementara itu, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) akan berbincang dengan Parti Warisan Sabah (WARISAN) dan Pakatan Harapan (PH) Sabah sebelum mengambil keputusan untuk masuk ke negeri berkenaan.

Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pihaknya ada menerima beberapa cadangan untuk membuka parti terabit di Sabah, namun perkara itu

perlu dibincangkan dengan lebih teliti.

"Kita ada menerima cadangan beberapa pihak mengenai perkara itu tetapi pada dasarnya, kita fikir langkah pertama adalah berbincang dengan WARISAN dan PH yang ada di sana mengenai perkara itu.

"Kita akan lihat kalau keadaan di luar jangkaan. Dulu kita fikir akan tunggu masa sesuai dan ada per-sefahaman dengan WARISAN, tetapi kalau mereka ambil keputusan menyertai kita, kita belum ada bahagian dan cawangan," katanya di sini, semalam.